



MENANG DENGAN TENANG



uba intai ciri-ciri kebiasaan mana-mana individu yang bergelar VIP hari ini? Pakaian mereka yang bersalut mewah atau layanan eksklusif bak raja? Tidak, bukan itu yang dimaksudkan. Sebaliknya cuba kita amati dan belajar memperkaya sifat lagak tenang yang dimiliki mereka dalam setiap situasi!

PERLUNYA TENANG

Mana mungkin jiwa yang kacau akan menang, bukan? Hanya yang tenang akan beroleh kemenangan. Sudah tentu apa jua keputusan yang diperolehi dengan jiwa yang tenang lebih menenangkan.

Begitulah. Kuasai ketenangan, pasti kita kuasai kebaikan! Sungguh, di balik kebaikan itu ada ketenangan dan permulaan kebaikan itu adalah ketenangan.

Individu yang tenang akan sentiasa sihat jiwanya sekali gus mengalirkan aura positif kepada orang lain. Begitulah yang diajar oleh Pencipta dalam falsafah kebaikan. "Berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu."

Inspirasi surah al-Qasas ayat 77 ini memujuk kita agar sentiasa mengingati perkara baik

melebihi keburukan dan memberi kegembiraan melebihi kekusutan. Sentiasa beri yang baik-baik sahaja.

TENANG AKAN MENANG

Perasan atau tidak, kadang-kadang dengan ahli keluarga sendiri kita berasa berat untuk membantu. Maka, setiap kali berperasaan begitu, buang jauh-jauh. Ingat kembali, kebaikan itu terlalu hampir dengan sesiapa yang berjaya tenang.

Tenang-tenangkan diri selalu dan menangkan kebaikan kepada individu yang terhampir dengan kita. Individu yang berjaya menyebarkan kebaikan walau dalam apa jua situasi, itulah individu yang menang. Menang ke atas dirinya sendiri. Manakan tidak, ketika marah, dia berjaya menundukkan panasnya. Ketika bersedih pula, dia

berjaya kendurkan sikap sangka buruk.

MENJADI INDIVIDU YANG MENANG

Siapa individu yang menang? Ya, dialah yang tenang tadi. Individu ini mengutamakan orang lain melebihi dirinya sendiri. Kerana dia mengerti, memuliakan orang lain bererti memuliakan diri sendiri, berbuat baik kepada orang lain tanda sedang berjaya kepada diri sendiri!

Lihat individu di sekeliling kita dan nilai bagaimana bentuk layanan kita terhadap mereka. Di situ, kita sudah boleh menilai, adakah kita tergolong sebagai individu yang menang atau tidak? Mari menangkan diri dengan tenang. Mari mulakan dengan yang terhampir dengan diri kita.

Ibu bapa	Muawiyah bin Jahimah datang kepada Rasulullah dan berkata: "Wahai Rasulullah, saya ingin berperang. Rasulullah bertanya: 'Adakah engkau mempunyai ibu?' 'Ya'. Dampingilah dia, sesungguhnya syurga terletak di kakinya. (Riwayat Ahmad)
Individu yang berbuat salah	Semulia-mulia manusia ialah mereka yang mempunyai adab, merendahkan diri ketika berkedudukan tinggi, memaafkan ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat. (Khalifah Abdul Malik bin Marwan)
Sesama Muslim	Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzalimi dan mendedahkannya kepada bahaya atau musuh. Sesiapa yang menunaikan hajat saudaranya, maka Allah akan menunaikan hajatnya. (Riwayat al-Bukhari)
Anak yatim	Baginda bersabda: "Aku dengan penjaga anak yatim di dalam syurga 'begini'. Rasulullah berkata demikian sambil menunjukkan dua jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengah." (Riwayat al-Bukhari)
Jiran	Jiran yang terbaik di sisi Allah adalah mereka yang paling banyak berbuat baik kepada jirannya. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)
Golongan lebih muda & berusia	Bukan dalam kalangan kami bagi sesiapa yang tidak mengasihi golongan muda, tidak menghormati golongan tua, tidak menyuruh melakukan perkara makruf dan tidak mencegah daripada melakukan kemungkaran. (Riwayat al-Tirmizi)



WAN NOR ZADILAH

B.A. Bahasa Arab & Komunikasi,
Universiti Sains Islam
Malaysia

V.I.P



اللَّهُمَّ لَا يَأْتِي بِالْحَسَنَاتِ إِلَّا أَنْتَ وَلَا
يَذْهَبُ بِالسَّيِّئَاتِ إِلَّا أَنْتَ وَلَا حَوْلَ
وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Maksud: "Ya Allah, tiada yang mendatangkan kebaikan melainkan Engkau dan tiada yang menghilangkan keburukan melainkan Engkau. Tiada kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah." (Riwayat al-Tirmizi)

CHECKLIST VIP

6 Hak Muslim

1. Apabila bertemu, ucapkan salam.
2. Apabila menerima jemputan, penuhilah.
3. Apabila diminta nasihat, berikantlah.
4. Apabila dia bersin dan memuji Allah, jawablah.
5. Apabila dia sakit, ziarahilah.
6. Apabila dia meninggal, iringilah jenazahnya. (Riwayat Muslim)

TARGET: MENANG DENGAN TENANG

facebook.com/wardahSafiah
zadilah@telagabiru.com.my